



## **BASE JUMP CARNIVAL 2008: PELAJAR-PELAJAR PELANCONGAN SUMBANG TENAGA**

Seramai kira-kira 60 pelajar-pelajar yang terdiri daripada pelajar-pelajar Program Pelancongan telah menyumbang tenaga dalam menjayakan Karnival BASE Jump 2008 yang berlangsung di Menara Tun Mustapha pada 9 - 10 Ogos 2008. Salah seorang sukarelawan ditemui, Natasia Nasran berkata bahawa peluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti seperti ini memberi pendedahan yang berguna kepada mereka khususnya mempelajari selok belok penganjuran sesuatu event. Seorang lagi sukarelawan yang ditemui, Danielle David turut menyatakan pendapat yang sama. BASE Jump 2008 merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh KL Tower sebagai salah satu aktiviti sukan lasak yang menfokuskan kepada penyertaan luar dan dalam Negara. Peserta-peserta yang terdiri daripada penerjun-penerjun professional berjaya memukau penonton-penonton yang menyaksikan terjunan dari menara tertinggi di Sabah itu.